

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : SENATOR DATO' DR. AHMAD AZAM BIN
HAMZAH**

TARIKH : 18 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam Bin Hamzah minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam menangani isu keselamatan penunggang motosikal yang menggunakan laluan antara lorong (*lane splitting*) di jalan raya, serta adakah terdapat cadangan untuk penguatkuasaan bagi mematuhi peraturan jalan raya seperti di negara lain .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelbagai langkah telah diambil bagi meningkatkan tahap keselamatan penunggang motosikal dan pengguna jalan raya yang lain. Kawalan berkaitan undang-undang melalui proses latihan dan ujian lesen menunggang motosikal yang terkandung dalam Kurikulum Pendidikan dan Latihan Pemanduan di Insitut Memandu menekankan kepentingan mematuhi peraturan jalan raya, termasuk cara memotong kenderaan dengan selamat. Latihan ini juga memberikan pemahaman kepada penunggang tentang risiko melakukan *lane splitting*, terutamanya di kawasan yang sesak atau berkelajuan tinggi. Kaedah ujian yang dibangunkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) adalah khusus untuk memastikan hanya penunggang yang benar-benar layak diberi pentauliahahan untuk menunggang di jalan raya.

2. Kementerian Pengangkutan melalui Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) telah menjalankan kajian dan memperkenalkan inovasi dalam meningkatkan keselamatan penunggang motosikal. Sebagai contoh, Sistem Amaran Perlanggaran Motosikal atau *Motorcycle Collision Alert System* (MCAS) yang dibangunkan dan diuji di lapangan telah didapati mampu membantu mengurangkan risiko perlanggaran dan mendorong tingkah laku penungngangan selamat. MCAS akan memberikan amaran awal kepada penunggang mengenai kehadiran halangan atau risiko perlanggaran dan mendorong penunggang mengambil keputusan yang lebih selamat ketika sedang menunggang termasuk perkara berkaitan amalan *lane splitting*.

3. Selain itu, pembangunan laluan motosikal sama ada *Exclusive Motorcycle Lane* (EMCL) atau *None-Exclusive Motorcycle Lane* (NEMCL) di jalan raya merupakan salah satu kaedah terbaik bagi menangani isu *lane splitting* dalam kalangan penunggang motosikal. Berdasarkan kajian penilai keberkesanan dan prestasi lorong motosikal yang dilaksanakan oleh MIROS, pengasingan motosikal daripada kenderaan lain melalui penyediaan NEMCL dan EMCL dapat mengurangkan risiko kematian

melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal sebanyak 26% (NEMCL) dan 74% (EMCL).

4. Kerajaan juga telah mewajibkan pemasangan *Anti-Lock Braking System* (ABS) pada motosikal baharu berkapasiti enjin 150cc dan ke atas di Malaysia berkuatkuasa mulai 1 Januari 2025. Sistem ABS merupakan satu sistem/komponen keselamatan yang dipasang pada motosikal bertujuan menghalang roda daripada terkunci semasa membrek kecemasan atau dalam memperlahankan motosikal terutamanya pada permukaan jalan raya yang basah/licin. Pemasangan ABS amatlah penting terutama kepada kategori motosikal berkuasa rendah kerana ia mampu mengelakkan kemalangan dan dijangka dapat mengurangkan tahap kecederaan akibat nahas jalan raya kepada penunggang motosikal sehingga 30%.

5. Merujuk kepada tindakan penguatkuasaan bagi mematuhi peraturan jalan raya pula, undang-undang yang sedia ada di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dan Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan, tidak mengenakan sekatan kepada penunggang motosikal untuk menggunakan mana-mana lorong di jalan, lebuh raya, jalan persekutuan dan lain-lain jalan kecuali mana-mana jalan yang disediakan lorong Khas Motosikal. Justeru, penguatkuasaan peraturan di bawah Akta 333 hanya boleh dilaksanakan di jalan raya yang disediakan laluan khas motosikal.

6. Kesalahan *lane splitting* boleh diambil tindakan di bawah Kaedah 6, Kaedah-kaedah Lalu Lintas Jalan 1959, di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) iaitu memotong secara merbahaya yang juga dikuatkuasakan secara bersama oleh JPJ dan PDRM.

7. Pada masa ini, Kementerian Pengangkutan melalui agensi-agensi berkaitan sentiasa menjalankan program-program kesedaran keselamatan jalan raya secara berterusan. Program-program yang dilaksanakan turut melibatkan kumpulan sasar yang terdiri daripada kanak-kanak, pelajar sekolah dan universiti, belia serta komuniti dalam usaha memupuk kesedaran dan pembudayaan keselamatan jalan raya.

Sekian, terima kasih.